



16 FEB, 2024

## Cuaca panas: Hasil harumanis dijangka naik

Utusan Malaysia, Malaysia

Page 1 of 2

### Cuaca panas: Hasil harumanis dijangka naik

**KANGAR:** Ketika tanaman lain berdepan masalah berikutan musim panas, berbeza dengan harumanis yang hasilnya dijangka meningkat musim ini berikutan cuaca panas berterusan di Perlis.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Perladangan dan Industri Makanan negeri, Razali Saad berkata, musim ini, pengeluaran harumanis dijangka mencecah sehingga 1,200 tan metrik berbanding tahun lalu, 1,189 tan metrik.

Katanya, berdasarkan prestasi semasa, 60 peratus pokok memelam harumanis sekitar negeri ini telah berbunga dan bakal keluaran hasil pertengahan April ini.

"Kemungkinan akan ada juga sedikit lagi pertambahan hasil direkodkan selepas ini berikutan

masih terdapat pokok-pokok yang diusahakan kelihatan berpotensi untuk berbunga," katanya ketika ditemui di sini semalam.

Mengulas lanjut, Razali berkata, pihaknya menjangkakan harga buah memelam harumanis pada musim ini sekitar RM35 sekilogram bagi gred A.

Ujarnya, kerajaan negeri juga mengharapkan pengusaha agar tidak mengambil kesempatan dengan memasarkan buah berkenaan pada harga tinggi bagi meraih keuntungan mudah.

"Saya telah arahkan penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) turun padang memantau harga buah memelam," katanya.



**KEBANYAKAN** pokok memelam harumanis sekitar Perlis mula berbunga dan dijangka mengeluarkan hasil bermula pertengahan April ini. - UTUSAN/ASYRAF MUHAMMAD.



16 FEB, 2024

## Cuaca panas: Hasil harumanis dijangka naik

Utusan Malaysia, Malaysia

Page 2 of 2

### SUMMARIES

KANGAR: Ketika tanaman lain berdepan masalah berikutan musim panas, berbeza dengan harumanis yang hasilnya dijangka meningkat musim ini berikutan cuaca panas berterusan di Perlis. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Perladangan dan Industri Makanan negeri, Razali Saad berkata, musim ini, pengeluaran harumanis dijangka mencecah sehingga 1,200 tan metrik berbanding tahun lalu, 1,189 tan metrik. Katanya, berdasarkan prestasi semasa, 60 peratus pokok memelam harumanis sekitar negeri ini telah berbunga dan bakal mengeluarkan hasil pertengahan April ini.